

**Tindakan Pematuhan UPM Terhadap Ketetapan Terkini
Agenzia Kelayakan Malaysia (MQA)**

Penggunaan Edisi Terkini Standard Program: Pendidikan Awal Kanak-Kanak
[Pekeliling MQA Bil. 1/2025 bertarikh 28 Januari 2025]

Ringkasan ketetapan

- i. Standard Program: Pendidikan Awal Kanak-kanak Edisi Pertama telah dibangunkan oleh MQA dan penggunaan telah berkuat kuasa pada 1 Ogos 2015.
- ii. MQA telah mengkaji semula Standard Program: Pendidikan Awal Kanak-kanak Edisi Kedua berdasarkan input yang diterima daripada pihak berkepentingan, disemak serta ditambah baik oleh panel pakar dalam kalangan ahli akademik dan industri agar selaras dengan perkembangan semasa di peringkat nasional dan antarabangsa.
- iii. Kajian semula standard program dibuat berpandukan kepada tujuh bidang jaminan kualiti Kod Amalan MQA serta menepati kehendak dan keperluan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF).
- iv. Dokumen Standard Program: Pendidikan Awal Kanak-kanak Edisi Kedua telah berkuat kuasa pada 1 Februari 2025 serta boleh dirujuk dan dimuat turun melalui laman web CQA di bawah modul [**SWAAKREDITASI**](#).

Tindakan di peringkat UPM

- v. Fakulti Ekologi Manusia atau pemilik program lain yang menawarkan program major-minor dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak perlu merujuk kepada standard program ini untuk pelaksanaan dan pematuhan terhadap edisi terkini mengikut ketetapan MQA seperti berikut:

Bil.	Tarikh	Perkara	Catatan
1.	1 Februari 2025 sehingga 31 Januari 2026	Tempoh transisi bagi semua program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh untuk mematuhi standard program. Nota: i. Kohort pelajar yang diambil selepas transisi tamat perlu menggunakan pakai kurikulum	Selepas 31 Januari 2026 adalah kemasukan

Bil.	Tarikh	Perkara	Catatan
		<p>baharu dalam standard program.</p> <p>ii. Kohort pelajar yang sedang berada dalam sistem boleh menggunakan pakai kurikulum sedia ada seperti mana yang dinyatakan dalam surat tawaran pelajar atau perjanjian antara pelajar dan PPT. Walau bagaimanapun, tiada halangan sekiranya PPT ingin menggunakan pakai kurikulum baharu jika tidak membebankan atau berdasarkan persetujuan pelajar.</p>	<p>Semester Kedua 2025/2026.</p> <p>Kemasukan sebelum 31 Januari 2026 iaitu Semester Pertama 2025/2026 dan sebelumnya boleh menggunakan kurikulum sedia.</p>
2.	1 Ogos 2025	Pengambilan pelajar bagi semua program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh perlu mematuhi syarat kelayakan masuk berdasarkan standard program.	Pengambilan pelajar bagi kemasukan mulai Semester Pertama 2025/2026 perlu mematuhi syarat kelayakan masuk berdasarkan standard program.
3.	1 Ogos 2025	Semua program baharu yang memohon Akreditasi Sementara perlu mematuhi standard program.	Cadangan penawaran program baharu bermula 1 Ogos 2025 perlu mematuhi standard program terkini.

Disediakan oleh:
 Pusat Jaminan Kualiti (CQA)
 Universiti Putra Malaysia
 9 Mac 2025